

PERUTUSAN PENTADBIR KETUA PUSTAKAWAN 2014

“ INTEGRITI PEMANGKIN TRANSFORMASI”

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillahilahi Rabbil ‘Alamin, Wassalatu Wasssalamu, ‘Ala Ashrafil, Anbiya’l Wal Mursalin, Wa’ala Alihi, Wa Sahbihi Ajma’in

وَيَسِّرْ لِي أَمْرِي

يَفْقَهُوا قَوْلِي

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera, Salam 1Malaysia, Salam 1UiTM

-Yang Berusaha Saudara Pengacara Majlis'

-Yang Berbahagia Dr Hajah Zahrah Mokhtar , Pendaftar UiTM

-Yang Berbahagia Tn. Hj. Sanip Wahid, Bendahari UiTM

-Ketua-Ketua Jabatan dan Bahagian

-Pegawai-pegawai Kanan-Dan seterusnya Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dikasihi Sekalian

1. Segala pujian hanya bagi Allah, kepadanya kita memohon keampunan, pertolongan, taufiq dan hidayah serta perlindungan daripada segala keburukan hawa nafsu. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta keluarganya, para sahabat dan seluruh umat Islam. Alhamdulillah dengan rahmat dan izinNya jua, kita dapat berkumpul bersama-sama di Majlis Perutusan Pentadbiran UiTM 2014.

2. Saya mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian kerana dapat menghadiri majlis ini dengan penuh semangat dan harapan yang tinggi dalam usaha berkongsi pandangan, idea dan matlamat.

3. Perutusan ini bukannya sekadar santapan mata, tetapi untuk renungan yang meresap ke dalam jiwa, dengan hati yang terbuka, kerana hikmah itu ada, agar selamat sampai tujuhnya, moga jadi suluhan kita.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Untuk melangkah ke masa hadapan yang lebih cemerlang, sesebuah organisasi harus bijak mengurus kejayaan dengan berkesan bagi mengatasi pelbagai kelemahan dan kekurangannya. Budaya integriti adalah selaras dengan cabaran keempat Wawasan 2020 iaitu untuk membentuk sebuah

masyarakat yang kukuh ciri-ciri moral dan etikanya, dengan para warganya mempunyai nilai keagamaan dan kerohanian yang utuh serta ditunjangi dengan budi pekerti yang luhur.

5. UiTM juga beriltizam dan komited merealisasikan cabaran tersebut dengan menyusun pendekatan, strategi dan tindakan berasaskan Kerangka Integriti UiTM ke arah menjadi Universiti Bertaraf Dunia. Justeru itu, integriti perlu disemai di setiap hati dan sanubari warga UiTM bagi melahirkan insan cemerlang, gemilang dan terbilang.

6. Kepentingan integriti perlu dilihat sebagai pemangkin kepada transformasi, namun lebih penting daripada itu, ia juga sebagai ukuran kejayaan sesebuah organisasi itu. Walaubagaimanapun, tidak ada maknanya memperolehi kejayaan tanpa elemen-

elemen amalan dan nilai-nilai murni dalam proses transformasi tersebut.

Hadirin sekalian,

7. Dalam usaha untuk memperkukuhkan lagi budaya integriti, gabungan sinergi utama antara Pendaftar, Bendahari, Perpustakaan dan lain-lain PTJ, akan memberi peranan penting dalam mencipta kegemilangan ke arah Universiti Tersohor.

8. Sehubungan itu, TEMA Perutusan Pentadbiran kali ini adalah “INTEGRITI PEMANGKIN TRANSFORMASI” yang juga merupakan Tema Perutusan Naib Canselor UiTM 2014.

9. Oleh itu Perpustakaan telah menggariskan lima (5) AGENDA

UTAMA iaitu :

1. MODAL INSAN BERINTEGRITI,
2. PERKHIDMATAN BERINTEGRITI,
3. MAKLUMAT BERINTEGRITI,
4. PRASARANA BERKUALITI DAN
5. PENGURUSAN KEWANGAN

AGENDA PERTAMA : MODAL INSAN BERINTEGRITI

10. Pembangunan modal insan adalah agenda yang diberi penekanan penting dalam ajaran islam. Dalam konteks lebih luas , modal insan mencorak halatuju Universiti kearah visi dan misi yang disasarkan. Perpustakaan juga menitikberatkan modal insan berintegriti di kalangan warga Universiti. Antara langkah-langkah yang telah dan akan diambil adalah :

PERTAMA : PELAN PENGGANTIAN (SUCCESSION PLAN)

11. Seperti mana yang telah dimaklumkan oleh Naib Canselor dalam Perutusan 2014 yang lalu, setiap Fakulti perlu mewujudkan pelan penggantian di tempat masing-masing. Menyedari kepentingan ini, Perpustakaan telah memantapkan inisiatif Pelan Penggantian yang sedia ada di dalam Perancangan Strategik PTAR 2012-2015 melalui penyediaan

Individual Development Plan (IDP) yang merujuk kepada aspek Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap. Ketiga-tiga aspek ini mempunyai kursus yang terancang dan efektif agar tahap kompetensi staf mencapai tahap yang cemerlang. Inisiatif ini dapat menghasilkan pelapis kepimpinan yang berkaliber, berintegriti dan akauntabiliti.

KEDUA : KEY PERFORMANCE INDICATOR

12. Dalam memperkasakan kecemerlangan sistem tadbir urus, ruang lingkup pembangunan dan perkhidmatan perpustakaan UiTM adalah berteraskan kepada beberapa dasar dan standard antarabangsa. Petunjuk prestasi digunapakai supaya tidak terleka atau terlepas pandang bagi mencapai kecemerlangan tersebut.

13. Oleh itu, Perpustakaan telah menetapkan 4 KPI utama yang telah dipersetujui bersama dalam Majlis Ketua Pustakawan Perpustakaan Akademik Malaysia iaitu :

1. Cost Database per Session : < RM 1.00
2. Median time of document processing : 40 days
3. Public seating occupancy rate : 90%
4. User satisfaction : 80%

KETIGA : AUDIT PERJAWATAN

14. Langkah proaktif dengan menyusun semula struktur organisasi dan sumber manusia sedia ada turut dijalankan. Langkah penyusunan semula ini dilaksanakan melalui Audit Perjawatan Perpustakaan pada 13 November 2013 hingga 20 Disember 2013 di Perpustakaan UiTM Shah Alam.

15. Skop Audit perjawatan adalah memfokuskan kepada perkara-perkara seperti berikut :-

I. Struktur Bahagian (Carta Organisasi, Carta Fungsi, Objektif dan fungsi bahagian,

II. Struktur Perjawatan (Bilangan, Skim dan gred serta kekosongan jawatan)

III. Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Perpustakaan dan Petunjuk Prestasi (PI) Jabatan/Bahagian,

IV. Senarai Tugas Utama dan Arahkan Kerja dan

V. Kompleksiti Tugas

16. Berdasarkan hasil penemuan audit tersebut, Pengurusan PTAR telah menstruktur semula organisasi yang melibatkan 23 orang staf di pelbagai gred berdasarkan 4 perkara iaitu :

1. Kompleksiti tugas,
2. Tanggungjawab,
3. Relativiti & pariti dan
4. Norma perjawatan.

17. Alhamdulillah, hasil audit ini, dengan jumlah staf sedia ada PTAR telah membuat penempatan semula di Kampus PFI di UiTM Jasin, Kampus UiTM Puncak Alam dan UiTM Kampus Sungai Buloh.

KEEMPAT : PLAGIARISME

18. Era kecanggihan teknologi telah mencetus isu integriti di Institusi Pengajian Tinggi, isu plagiarism telah menjadi amalan disebabkan segala maklumat mudah diperoleh dengan cepat dan pantas. Aktiviti copy-paste atau mengambil hak cipta orang

lain sebagai hak persendirian tanpa rujukan pemilik asal sudah semakin berleluasa. Justeru itu, perpustakaan juga memainkan peranan penting dalam menangani isu plagiarisme ini.

19. Antara peranan yang telah dijalankan adalah dengan mendidik warga Universiti menggunakan sumber-sumber maklumat yang sahih dan tepat bagi memenuhi keperluan pembelajaran dan penyelidikan. Penerangan berkaitan plagiarism turut diwar - warkan melalui kelas kemahiran maklumat, bengkel penyelidikan akademik dan taklimat Perpustakaan. Disinilah terletaknya integriti warga Universiti dalam menghasilkan karya yang tulen dan asli dalam penulisannya.

20. Bagi memastikan pengguna Perpustakaan tidak terlibat dengan plagiarisme, maka PTAR akan menghasilkan satu garis panduan tatacara penulisan yang memenuhi standard antarabangsa dinamakan Academic Integrity Information. Panduan ini akan diletakkan di laman web Perpustakaan sebagai peringatan bersama.

KELIMA : Diversified Computer Controlling System (DCCS)

21. Dunia hari ini menyaksikan perkembangan dan perubahan yang sangat pantas dalam ICT. Pelbagai inovasi dihasilkan sehingga membolehkan komunikasi dan interaksi manusia kini lebih pantas, cepat serta berupaya melampaui batasan masa dan tempat. Percantuman dunia teknologi maklumat dan telekomunikasi menghasilkan pembangunan teknologi canggih yang membawa kepada transformasi perkhidmatan awam.

Perpustakaan tidak boleh tertinggal dalam arus tranformasi dan perkembangan teknologi yang begitu cepat berlaku.

22. Selari dengan perkembangan teknologi, Perpustakaan telah membuat pemasangan Sistem DCCS (Diversified Computer Controlling System) bagi tujuan memantau penggunaan setiap komputer dalam Perpustakaan. Secara amnya, sistem ini berjaya meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap, pantas dan berkesan. Disamping itu, dengan adanya pemantauan sebegini, nilai integriti dapat di didik di dalam diri setiap pelajar dan warga perpustakaan.

AGENDA KEDUA :

PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN BERINTEGRITI

Tuan – tuan dan puan – puan,

23. Untuk menjayakan sistem penyampaian perkhidmatan yang berintegriti, pastinya melibatkan perubahan, penambahbaikan dan pengukuhan dari segi dasar, polisi, sumber dan prasarana perpustakaan. Justeru itu, perpustakaan sentiasa bersiap siaga memastikan perkhidmatan yang disediakan relevan dan sejajar dengan perkembangan pesat teknologi seiring gaya hidup pelanggan masa kini.

24. Penyampaian perkhidmatan yang berintegriti bukan sahaja bermaksud sistem penyampaian perkhidmatan yang terbaik bagi memenuhi keperluan pelanggan, malah dapat mempamerkan kecekapan dan komitmen perpustakaan yang

mampu melangkaui jangkauan pelanggan. Pada tahun 2013, PTAR telah mendapat tahap Kepuasan pelanggan atau Customer Satisfaction sebanyak 92.96%. Begitu juga pencapaian kepuasan pelanggan terhadap 14 kemudahan prasarana di UiTM melalui Kajian Kepuasan Graduat UiTM 2013 yang menunjukkan Perpustakaan menduduki ranking pertama berbanding dengan kemudahan lain.

25. Ini menunjukkan bahawa kedudukan PTAR berada di tahap yang boleh dibanggakan. Namun demikian, kita tidak akan mudah berasa selesa dengan pencapaian tersebut, malahan pada tahun 2014 ini, beberapa langkah diambil bagi mempertingkatkan lagi tahap perkhidmatan di Perpustakaan.

PERTAMA : BUDAYA IQRA

26. Kalimah al Quran yang pertama menekankan kepentingan membaca : “Bacalah, dengan nama tuhanmu yang maha pemurah. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan “ (Al-Alaq, 96:3-4). Hal ini jelas sekali mengangkat martabat buku di tempat yang tinggi dalam sejarah tamadun manusia. Betapa pentingnya nilai penulisan melalui buku dan peradaban yang dicetuskan olehnya menobatkan buku sebagai antara penciptaan paling agung dalam sejarah tamadun manusia. Kita diingatkan dengan mutiara kata “ Setitik dakwat mampu membuat sejuta manusia berfikir tentangnya”. Hasrat murni ini harus diletakkan sebagai tanggungjawab bersama oleh setiap individu. Tabiat membaca mampu dan akan mengubah nasib negara kita. Marilah kita menerapkan budaya IQRA di kalangan

warga UiTM serta merealisasikan impian UiTM ke arah Universiti Tersohor.

KEDUA : PERKHIDMATAN BLENDED LEARNING

27. Pada masa kini kaedah pembelajaran dan pengajaran generasi telah beralih kepada blended learning yang tidak lagi tertumpu kepada pembelajaran secara konvensional sahaja. Blended learning merupakan suatu gabungan kepelbagaian mod pembelajaran dan skop penyampaian secara elektronik dan bukan elektronik. Dengan adanya peranan yang dimainkan oleh Perpustakaan, maka pelanggan dapat mengakses maklumat di mana – mana sahaja tanpa sempadan.

28. Halatuju KPT pada tahun 2013 adalah meningkatkan jumlah koleksi e-Book. Manakala dalam Amanat Naib Canselor UiTM 2014 mensasarkan peningkatan 50% blended learning. Pencapaian tahun 2013 menunjukkan PTAR berjaya meningkatkan jumlah koleksi eBOOK sebanyak 27.7% bersamaan dengan 32,016 judul. PTAR juga telah mula membuat pembelian e-Jurnal sebanyak 177 judul. Begitu juga kepada langganan Pangkalan Data atau Online Database, PTAR telah melanggan sebanyak 86 jenis pangkalan data dan mempunyai sebanyak 94,090 judul di dalam pangkalan data tersebut. Dengan jumlah koleksi ini, Perpustakaan dapat membantu mencapai sasaran Universiti .

KETIGA : PERKHIDMATAN ASK YOUR LIBRARIAN(Live Chat)

Tuan –tuan dan puan – puan,

29. Generasi Y mewakili sejumlah besar populasi warga universiti dan mereka merupakan kelompok penting dalam pembangunan negara. Hubungan rapat perlu dibina dengan generasi Y agar wujud interaksi dengan mereka. Berpaksikan kepada keperluan tersebut, maka perkhidmatan Ask Your Librarian atau turut dikenali sebagai live chat diantara Pustakawan dan pengguna secara atas talian telah dilaksanakan. Perkhidmatan ini membolehkan pelanggan mendapatkan khidmat nasihat dan rujukan dari Pustakawan secara maya berkaitan maklumat perkhidmatan dan kemudahan perpustakaan sama ada dari dalam kampus atau luar kampus dengan cepat dan tepat.

KEEMPAT : PERKHIDMATAN ONLINE PUBLIC ACCESS CATALOG

-(WebOPAC 2.0)

30. Perpustakaan telah menggunakan konsep Web 2.0 dalam WebOPAC PTAR bagi memenuhi keperluan generasi Y dalam membuat pencarian maklumat. Perubahan ini melibatkan pelaksanaan fungsi baru dalam sistem pencarian maklumat, penggunaan teknologi terkini untuk pertukaran data, kandungan tambahan yang memberi penerangan lanjut berhubung dengan bahan dalam koleksi Perpustakaan.

31. Konsep Web 2.0 telah mewujudkan jangkaan baru dari pengguna perpustakaan yang sentiasa mengharapkan penambahbaikan yang berterusan. Melalui Webopac 2.0 secara global pengguna boleh memberi rating bahan, mendapatkan ulasan pengguna lain, bookmark laman sesawang, berkongsi

bookmark dengan pengguna lain dan memberi komen perkhidmatan yang diberikan.

KELIMA : PERKHIDMATAN eNewspaper

32. Di dalam usaha kerajaan untuk menuju ke arah negara maju pada tahun 2020, ilmu pengetahuan merupakan tunjang utama bagi merealisasikannya kerana hanya masyarakat yang membaca dapat melahirkan insan yang berintegriti. Di dalam usaha menyebarkan maklumat tanpa sempadan, perpustakaan telah melancarkan Perkhidmatan Akhbar Digital (eNewspaper).

33. Melalui perkhidmatan ini, semua pelanggan boleh mengakses 5 tajuk akbar tempatan iaitu akhbar Utusan Malaysia, The Star, Berita Harian, Harian Metro dan New Strait Times. Dengan membaca akhbar digital ini, kita bukan sahaja boleh menjimatkan masa dengan membuat carian pantas,

malah akhbar ini lebih menarik dengan penyediaan multimedia interaktif, galeri foto dan video.

KEENAM : PERKHIDMATAN PERUNDING MAKLUMAT

34. Kita sedar dalam mengurus perkara yang menuntut keperluan sezaman, selain dari memenuhi cabaran masyarakat berilmu dan berpengetahuan, perpustakaan perlu merangka perancangan untuk memantapkan lagi perkhidmatan perpustakaan. Kita melihat aspek kemahiran mencari maklumat merupakan faktor utama dalam pembelajaran sepanjang hayat.

35. Perkembangan kecekapan seperti ini harus berlaku sepanjang berada di Universiti, terutama semasa tempoh pendidikan mereka. Unit Perunding Maklumat telah diwujudkan bagi membantu para pelajar, penyelidik, akademik dan pentadbir dalam urusan pembelajaran dan penyelidikan

mereka. Perkhidmatan lain seperti konsultasi maklumat, kelas kemahiran pendidikan serta bengkel penulisan dan penerbitan bersama Penerbit antarabangsa akan turut dipertingkatkan pada tahun ini .

KETUJUH : PERKHIDMATAN KOLEKSI KEUSAHAWANAN DAN HALAL

36. Kerajaan kini sedang giat untuk menggalakkan bidang keusahawanan terutama kepada siswazah, UiTM turut memainkan peranan penting di dalam mempergiatkan bidang keusahawanan, lebih-lebih lagi UiTM telah merangkul Anugerah Universiti Keusahawan sebanyak 2 tahun berturut-turut. Bagi menyokong aspirasi serta membantu Universiti dalam mempertahankan anugerah tersebut, Perpustakaan telah menubuhkan Pusat Rujukan Keusahawan dan Halal. Segala

bahan dan maklumat yang berkaitan dengan Bidang KEUSAHAWANAN DAN HALAL boleh dirujuk di Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak.

37. Perpustakaan mensasarkan pusat rujukan keusahawanan dan industri halal menjadi tumpuan penyelidik-penyelidik dari SELURUH DUNIA. Dengan tersedianya kemudahan dan sumber maklumat yang berkualiti, Insya Allah melalui inisiatif ini akan dapat membantu Universiti untuk mencapai sasaran menjadi Universiti Tersohor.

KELAPAN : PENSEJAJARAN PENEMPATAN PROGRAM AKADEMIK UiTM

38. Pensejajaran Penempatan Program Akademik UiTM merupakan salah satu agenda penting Universiti yang turut melibatkan pemindahan koleksi dan staf Perpustakaan. Oleh yang demikian, bahan-bahan Perpustakaan akan di semak semula penempatannya berdasarkan kepada program-program yang ditawarkan di setiap kampus UiTM. Adalah menjadi tanggungjawab Perpustakaan kepada semua fakulti untuk menyediakan bahan rujukan berdasarkan kepada silibus.

AGENDA KETIGA : MAKLUMAT BERINTEGRITI

Tuan-tuan dan Puan-Puan

Perpustakaan berperanan penting dalam memenuhi keperluan pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan melalui :

PERTAMA : MEMANTAPKAN BAHAN BERDASARKAN READING LIST DAN SILIBUS

39. Perpustakaan bertanggungjawab melepasi penilaian daripada pelbagai badan akreditasi dalam aspek :

1. Penyediaan sumber ilmu,
2. Kemudahan fizikal,
3. Infrastruktur,
4. Perkhidmatan dan
5. Penggunaan Perpustakaan.

40. Dalam menyediakan bahan bacaan yang tepat, Perpustakaan akan memastikan setiap program baharu yang ditawarkan di UiTM mempunyai bahan rujukan mencukupi berdasarkan kepada kelulusan yang telah diperakui melalui kelulusan :

1. Jawatankuasa Semakan Kurikulum Fakulti
2. Majlis Kurikulum Universiti
3. Malaysian Qualifications Agency (MQA)
4. Mesyuarat Senat
5. Jawatankuasa Kementerian Pendidikan Malaysia

KEDUA : MENYEMAK DAN MENGESAHKAN DATA PENERBITAN PENYELIDIKAN

41. Penarafan QS World University Rankings menggunakan beberapa sumber maklumat bagi menghasilkan keputusan penarafan Universiti Asia dan Dunia.

42. Sebagai sebuah organisasi terpenting di Universiti, PTAR berperanan menyemak dan menganalisa data penerbitan penyelidikan UiTM melalui Scopus dan ISI Thomson dengan mengukur penarafan jurnal berwasit dan berimpak tinggi. Selain daripada itu, Perpustakaan juga akan menggunakan platform open source seperti MyCITE dan Google Scholar.

43. Bermula tahun ini, Kementerian Pendidikan Malaysia telah mempertanggungjawabkan kepada Perpustakaan untuk mengesahkan penyelidikan yang dibuat oleh warga akademik. Tanggungjawab ini menunjukkan bahawa aspek integriti amat dituntut dalam menjalankan tanggungjawab yang di amanahkan.

KETIGA : SUMMON

44. Pelbagai kaedah dan inisiatif telah diambil oleh Perpustakaan dalam memastikan maklumat yang disediakan memenuhi kehendak pelanggan. Sehubungan dengan itu, Perpustakaan telah melanggan SUMMON (versi 1.0) yang berkonsepkan “One Stop Search”. Penggunaan SUMMON adalah pencarian maklumat yang meliputi semua jenis koleksi

bahan perpustakaan. Bermula Jun 2014, PTAR akan menaiktaraf SUMMON (versi 2.0) yang lebih efektif, cepat dan efisien.

AGENDA KEEMPAT : PRASARANA BERKUALITI

45. Perpustakaan turut melihat agenda ke empat (4) tidak kurang pentingnya dalam memastikan integriti berada di tahap optimum di kalangan pengguna dan warga Perpustakaan. Bagi menyokong hasrat tersebut, inisiatif yang telah dan akan diambil adalah :-

PERTAMA : MENAIKTARAF RUANG PERPUSTAKAAN

46. Perpustakaan telah mengubahsuai Bilik Menaip yang diwujudkan pada 1972 kepada 15 buah BILIK PENULISAN PENYELIDIKAN (Research Writing Room) bagi memupuk dan memperkukuhkan budaya penyelidikan yang berkualiti.

47. Ruang di luar Perpustakaan juga dinaiktaraf berkonsepkan RUANG SANTAI seperti di Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak dan Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak.

48. Perpustakaan akan menyediakan “RESEARCH SUITE” di PTAR Utama dan Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak bagi memastikan keselesaan kepada penyelidik UiTM menghasilkan penyelidikan berimpak tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan,

KEDUA : PERLUASAN UNIFI

49. Pada 14 September 2013 bertempat di Dewan Agong Tuanku Canselor, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa menjelang tahun 2020, enrolmen pelajar UiTM akan mencecah 250,000. Cabaran besar yang akan dihadapi oleh

Perpustakaan adalah penggunaan Internet yang terhad. Oleh yang demikian, Perpustakaan telah mengambil langkah awal bagi menangani masalah ini.

50. Satu talian alternatif kepada kemudahan internet melalui LANGGANAN UNIFI telah dilaksanakan di PTAR Utama pada tahun 2013. Kemudahan UNIFI akan diperluaskan ke Perpustakaan Pengurusan Perniagaan Tun Abdul Razak, Perpustakaan Kejuruteraan Tun Abdul Razak, Perpustakaan Sains & Teknologi Tun Abdul Razak dan Perpustakaan Alam Bina Tun Abdul Razak.

AGENDA KELIMA : PENGURUSAN KEWANGAN

51. Aspek kewangan memainkan peranan penting dalam pengurusan organisasi. Dalam memastikan tugas dan tanggungjawab dilaksanakan mengikut prosedur, arahan dan peraturan yang ditetapkan, Perpustakaan mempunyai mekanisma kawalan dalaman seperti :

PERTAMA : Penyediaan Garis Panduan Perolehan Bahan Bercetak

52. Perpustakaan sentiasa mematuhi segala Arahan Perbendaharaan dan pekeliling perolehan yang berkuatkuasa. Bagi tujuan pemantapan dan penyeragaman proses perolehan bahan di Perpustakaan UiTM, satu Garis Panduan Perolehan Bahan Bercetak Dalam dan Luar Negara telah digubal. Garis panduan ini mengandungi maklumat lengkap tatacara

perolehan bahan bercetak merangkumi jawatankuasa perolehan, kaedah dan aliran proses kerja perolehan.

KEDUA : KAJIAN PENGGUNAAN LANGGANAN PANGKALAN DATA DALAM TALIAN

53. Pemantauan amat dititikberatkan dalam membentuk tadbir urus yang terbaik. Merujuk kepada KPI Perpustakaan yang pertama iaitu Cost Database per Session, Perpustakaan perlu memastikan setiap penggunaan pangkalan data per sesi yang dilanggan tidak melebihi kos RM 1.00. Pada tahun ini, kajian penggunaan langganan 86 pangkalan data akan dilaksanakan dengan terperinci. Penemuan hasil kajian dapat membantu Perpustakaan membuat pelarasan perbelanjaan langganan Pangkalan Data Dalam Talian agar penggunaan dapat dimaksimakan.

KETIGA : PENGWUJUDAN JAWATANKUASA PEMBELIAN

54. Perpustakaan bertanggungjawab mengendalikan proses perolehan kerja bekalan dan perkhidmatan perpustakaan melalui tender, sebutharga, rundingan terus dan pembelian terus. Bagi memastikan proses perolehan dilaksanakan secara telus dan berhemah, pihak perpustakaan mempunyai jawatankuasa-jawatankuasa yang merangkumi perolehan bahan bercetak, PDDT, eJournal, eBooks dan peralatan ICT.

PENUTUP

55. Berdasarkan kepada 5 agenda dengan 21 inisiatif yang disampaikan tadi, menunjukkan bahawa INTEGRITI wajib menjadi pegangan kukuh kepada setiap individu dalam organisasi. Dengan menjadikannya sebagai satu amalan, budaya integriti akan wujud jika setiap individu melaksanakan tugas dengan cekap, teliti dan amanah. Saya berharap melalui perutusan ini kita akan dapat melonjakkan produktiviti di setiap Jabatan.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan berbanyak terima kasih kepada semua warga pentadbir yang hadir dan mendengar Perutusan Pentadbir 2014 ini.

Sekian. Wabillahi Taufiq WalHidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima Kasih.